

Ruj Kami : CAAM.BKP.500(S)-4/6/2 (1)

Tarikh : 21 November 2022



**Pegawai Di Skim Perkhidmatan
Pegawai Kawalan Trafik Udara
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia**

Tuan/ Puan,

URUSAN PERTIMBANGAN PEMANGKUAN JAWATAN PEGAWAI KAWALAN TRAFIK UDARA GRED A48 DI PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan akan melaksanakan Urusan Pemangkuhan bagi skim perkhidmatan Pegawai Kawalan Trafik Udara (PKTU) Gred A44 ke A48. Urusan pemangkuhan ini juga melibatkan jawatan sebagai Ketua Penolong Pengarah di Gred A48 bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut:

BIL	JAWATAN	BAHAGIAN	BILANGAN KEKOSONGAN
1.	Pegawai Kawalan Trafik Udara (PKTU)	PW Sarawak	3
2.	Pengurus Lapangan Terbang	Menara Kawalan Subang	1
3.	Pengurus Lapangan Terbang	CAAM CAW. Miri	1
4.	Tenaga Pengajar	Akademi Penerbangan Malaysia (MAvA)	3
5.	Pegawai <i>Audit & Quality</i>	Bahagian Keselamatan Pengurusan Navigasi Udara (BKPNU)	1
6.	Pegawai <i>Disruption</i>	Bahagian Operasi Pengurusan Navigasi Udara (BOPNU)	1
7.	Pegawai <i>Duty Manager</i>	Bahagian Operasi Pengurusan Navigasi Udara (BOPNU)	1

3. Sehubungan itu, Bahagian ini menjemput dan mengalu-alukan PKTU Gred A44 untuk memohon bagi urusan yang disebutkan di atas. Selain itu, tawaran juga terbuka kepada para pegawai di bawah skim perkhidmatan yang sama iaitu PKTU Gred A41 yang berminat untuk mengisi jawatan tersebut dan setiap permohonan oleh seseorang

calon boleh memohon hanya tiga (3) jawatan sahaja. Syarat-syarat permohonan urusan pemangkuan ini juga hendaklah memenuhi kriteria yang ditetapkan sejajar dengan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Urusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat dalam Perkhidmatan Awam Versi 1.0 (2022) seperti berikut: seperti berikut:

- i. Markah LNPT tahun terkini dan wajaran LNPT bagi **tiga (3)** tahun terkini tidak kurang 80%;
- ii. Lulus Tapisan Keutuhan SPRM;
- iii. Telah Isytihar Harta tempoh 5 tahun terkini (Berdasarkan Peraturan Berkuatkuasa);
- iv. Bebas daripada Tindakan atau Hukuman Tatatertib;
- v. Bebas disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada Institusi Pinjaman Pendidikan;
- vi. Tidak hilang kekananan – jika pegawai cuti separuh gaji dan cuti tanpa gaji kecuali cuti belajar yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan;
- vii. English Language Proficiency (ELP) sekurang-kurangnya Aras 5.
(ELP Aras 5 untuk semua jawatan A48 di pengurusan dan operasi sahaja. Bagi jawatan operasi, pegawai yang memiliki ELP Aras 4 boleh memohon tetapi jika berjaya di dalam proses temuduga A48, pegawai perlu mendapatkan Aras 5 semasa tempoh pemangkuan bagi tujuan pengesahan kenaikan pangkat);
- viii. Diperakukan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi).
- ix. Bagi PKTU yang berada di Gred A41, tempoh berkhidmat hendaklah sekurang-kurangnya 9 tahun ke atas; dan
- x. Memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga (seperti dalam **Lampiran A dan B**)

4. Semua pegawai yang layak dipertimbangkan bagi urusan ini perlu melengkapkan maklumat menggunakan lampiran-lampiran seperti di pautan yang disediakan <https://cloud.caam.gov.my/index.php/s/wvpc1VFfAGhOiGX> dan mengemukakan maklumat-maklumat yang telah lengkap ke Unit Sumber Manusia, BKP sebelum atau pada **28 November 2022**. Semua permohonan yang telah diterima akan ditapis bagi memastikan calon memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti di Para 3. Permohonan seterusnya akan dibawa ke Pihak Pengurusan Tertinggi Pihak Berkuasa Penerbangan Awam bagi urusan temuduga yang akan dilaksanakan pada **2 Disember 2022**.

5. Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu untuk memastikan hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat seperti di atas sahaja dikemukakan kepada Bahagian ini. Selain itu, PTJ juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh pihak Tuan/Puan boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan di proses.

6. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai berikut:

- a) En. Zahrul Razmin Bin Zaharudin: zahrul@caam.gov.my (03-8871 4134)
- b) Pn. Norazimah Binti Mat Zain: norazimah@caam.gov.my (03-8871 4148)

7. Segala kerjasama dan perhatian dalam perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DG. SITI NOOR JEHAN BINTI AG. MOHD SAUFI)

Pengarah Khidmat Pengurusan

b.p Ketua Pegawai Eksekutif

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

s.k.

- i. Ketua Pegawai Eksekutif
- ii. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kawal Selia)
- iii. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi)

**SYARAT- SYARAT LAIN BAGI PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN
PENGURUS LAPANGAN TERBANG**

- a. Mempunyai *rating* (sekurang-kurangnya MAvA rated):
 - Pengurus LT Subang - Aerodrome
 - Pengurus LT Miri - Aerodrome, Approach Procedural, Approach Surveillance; dan
- b. Pegawai yang masih aktif dalam Operasi (Pegawai **PERLU** mendapatkan *rating* di stesen yang akan ditempatkan); dan
- c. Pegawai yang memahami hal-hal pentadbiran, kewangan, serta maklum dalam pekeliling, CAD dan arahan-arahan pentadbiran;
- d. Pegawai yang mempunyai *soft skills* dan " PR" yang baik serta personaliti yang positif (penting kerana perlu mengurus staf CAAM dan semasa berurusan dengan agensi luaran);
- e. Pegawai yang mempunyai latar belakang teknikal dari segi pengetahuan Sistem Operasi ATC;
- f. Pegawai pernah terlibat dalam menyediakan spesifikasi Perolehan Sistem dan sebagainya;

**SYARAT- SYARAT LAIN BAGI PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN
PEGAWAI AUDIT & KUALITI, BAHAGIAN KESELAMATAN PENGURUSAN
NAVIGASI UDARA (BKPNU)**

Kelayakan Minimum

(Rujukan: <https://anselibrary.caam.gov.my>

Air Navigation Services Policy Manual - 1 (ANSPM 1 – Para 2.8.2):

- i. Pemegang lesen Pengawal Trafik Udara dengan **sekurang-kurangnya dua (2) ATC rating**; dan
- ii. Pengawal Trafik Udara bertauliah dengan **sekurang-kurangnya lima belas (15) tahun pengalaman bekerja**; dan
- iii. Mencapai Penguasaan Bahasa Inggeris (ELP) sekurang-kurangnya Tahap 5; dan
- iv. Mempunyai penguasaan yang baik dalam fungsi Sistem Navigasi Udara, perundangan dan peraturan penerbangan awam negara; dan
- v. Kemahiran komunikasi lisan dan bertulis yang baik; dan
- vi. Kemahiran interpersonal yang baik.